

# MENUJU KESEMPURNAAN INSAN: AUTOBIOGRAFI DAN WACANA ETIKA DALAM KARYA AL AKHLAQ WA AL SIYAR

## TOWARDS HUMAN PERFECTION: AUTOBIOGRAPHY AND ETHICAL DISCOURSE IN THE WORK AL-AKHLAQ WA AL-SIYAR

Nurhasma Muhamad Saad<sup>1\*</sup>  
Ab Adly Rabbanie Ab Rahim<sup>2</sup>  
Yee Chin Yip<sup>3</sup>  
Margaret Anthoney<sup>4</sup>  
Zulkipli Md Isa<sup>5</sup>  
Muhammad Marwan Ismail<sup>6</sup>  
Farah Nadia Harun<sup>7</sup>  
Wan Moharani Mohammad<sup>8</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia  
Email: [nurhasma@usim.edu.my](mailto:nurhasma@usim.edu.my); <https://orcid.org/0000-0001-8593-0167>

<sup>2</sup> Faculty of Modern Language, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia, Email: [GS61292@edu.upm.my](mailto:GS61292@edu.upm.my)

<sup>3,4,5,6,7,8</sup> Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
Email: [cyyee@usim.edu.my](mailto:cyyee@usim.edu.my), [margaret@usim.edu.my](mailto:margaret@usim.edu.my), [zulkipli@usim.edu.my](mailto:zulkipli@usim.edu.my), [marwanismail@usim.edu.my](mailto:marwanismail@usim.edu.my),  
[farahnadia@usim.edu.my](mailto:farahnadia@usim.edu.my), [moharani@usim.edu.my](mailto:moharani@usim.edu.my); <https://orcid.org/0009-0001-3835-2154>

### Article history

Received date : 5-8-2026  
Revised date : 6-8-2026  
Accepted date : 12-9-2026  
Published date : 17-9-2026

### To cite this document:

Muhamad Saad, N., Ab Rahim, A. R., Yee, C. Y., Anthoney, M., Md Isa, Z., Ismail, M. M., Harun, F. N., & Mohammad, W. M. (2026). Menuju kesempurnaan insan: Autobiografi dan wacana etika dalam karya Al-Akhlaq wa al-Siyar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 60 – 71.

**Abstrak:** Karya al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus oleh Ibn Hazm merupakan antara teks sastera adab yang menggabungkan wacana etika dengan pengalaman peribadi pengarang. Kajian ini bertujuan menganalisis teknik penulisan autobiografi dalam karya tersebut serta peranannya dalam membentuk penyampaian nilai moral. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis teks dengan mengaplikasikan Teori Naratif Jerome Bruner (1986), di samping menumpukan kepada aspek naratif, stilistik, dan fungsi didaktik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya penulisan yang ringkas, aforistik, dan padat makna memperkukuh kesan moral kepada pembaca, manakala penyisipan pengalaman peribadi berfungsi sebagai “pernyataan sendiri” yang meningkatkan kredibiliti dan kesan emosional. Konsep utama seperti akhlaq, nafs, ‘aql, dan sa’adah membentuk kerangka pemikiran insan ideal, sementara struktur nasihat (naṣiḥah) dan fungsi didaktik (ta’dib) memperlihatkan proses bertahap daripada kesedaran diri kepada pembaikan tingkah laku. Secara keseluruhan, kajian ini merumuskan bahawa karya ini bukan sekadar teks etika, tetapi sebuah karya sastera adab yang memanfaatkan teknik autobiografi sebagai medium transformasi insan, sekali gus menegaskan kerelevanannya dalam pendidikan moral dan psikospiritual masa kini.

**Kata Kunci:** *al-Akhlāq wa al-Siyar, Ibn Hazm, Penulisan autobiografi, Sastra adab, Terapi jiwa. Wacana etika.*

**Abstract:** *Al-Akhlāq wa al-Siyar fī Mudawāt al-Nufus by Ibn Hazm is among the literary works of adab that combine ethical discourse with the author's personal experiences. This study aims to analyse the autobiographical writing techniques in the work as well as their role in shaping the conveyance of moral values. The study employs a qualitative approach based on textual analysis, applying Jerome Bruner's Narrative Theory (1986), while focusing on narrative, stylistic, and didactic functional aspects. The findings show that the concise, aphoristic, and meaning-dense writing style reinforces the moral impact on readers, while the incorporation of personal experiences functions as "self-statement" that enhances credibility and emotional effect. Key concepts such as akhlāq, nafs, 'aql, and sa'adah form the framework of the ideal human thought, while the structure of advice (naṣiḥah) and didactic function (ta'dib) demonstrate a gradual process from self-awareness to behavioural improvement. Overall, the study concludes that this work is not merely an ethical text, but a literary work of adab that utilises autobiographical techniques as a medium for human transformation, thereby affirming its relevance in contemporary moral and psychospiritual education.*

**Keywords:** *al-Akhlāq wa al-Siyar, Ibn Hazm, autobiographical writing, adab literature, soul therapy, ethical discourse*

## Pengenalan

Kitab *al-Akhlāq wa al-Siyar* atau *Risalah Mudaawat al-Nufus wa Tahdhib al-Akhlāq* merupakan salah satu karya Ibn Hazm al-Andalusi. Ia tergolong dalam jenis catatan peribadi dan renungan yang ditulis oleh Ibn Hazm pada peringkat akhir kehidupannya. Kitab ini merupakan hasil pengalaman panjang dan berperingkat yang dilalui beliau sepanjang hayatnya.

Dalam karya ini, Ibn Hazm mendedikasikan banyak waktu untuk meneliti dan mengamati jiwa manusia, mendalami rahsia-rahsia batin mereka, dan dengan kepekaan serta kebijaksanaannya, beliau menyingkap penyakit dan penawarnya dari lubuk hati manusia. Sebahagian besar catatan ini ditulis pada usia lanjutnya, setelah beliau menimba pengajaran daripada pengalaman hidup dan peringatan zaman, kerana isi kandungannya mencerminkan ketenangan dan kematangan dalam menilai manusia dan perkara-perkara di sekelilingnya. (Fakhry, 1994 & Arafat, 2013).

Walaupun kitab ini bersaiz kecil, ia sangat bernilai, bukan sahaja kerana manfaat maknanya, tetapi juga kerana susunan bahasanya yang lancar, bahagian-bahagiannya yang berkesinambungan, dan bahasa jelas dan mudah yang digunakan. Gaya penulisannya halus dan lembut, menjadikan kitab ini mudah dibaca dan difahami.

## Sorotan Kajian

Kajian mengenai pemikiran Ibn Hazm dalam karya *al-Akhlāq wa al-Siyar fī Mudawāt al-Nufus* menunjukkan minat sarjana kontemporari untuk meneliti aspek etika, psikologi emosi, dan hubungan sosial dalam kerangka falsafah moral Islam. Walau bagaimanapun, kajian yang menghubungkan unsur autobiografi dengan pembentukan wacana etika masih terbatas. Sorotan literatur ini memfokuskan kepada enam kajian utama yang relevan, iaitu kajian Ahmad Tajuddin Arafat (2013) tentang falsafah moral Ibn Hazm, kajian Rival Jahfal Maryadi (2025) mengenai refleksi emosional dalam karya Ibn Hazm, kajian Dimas Rangga (2025) tentang etika cinta menurut perspektif Ibn Hazm, kajian Wan Muhammed, Mustapha, Zainol, dan

Mohammad (2021) serta kajian Zakariya (2020), yang membincangkan pendekatan etika dan pembentukan akhlak menurut Ibn Hazm dan kajian Nafia, Soleh, dan Murman (2025) tentang aspek psikospiritual dan kesihatan mental

Kajian oleh Ahmad Tajuddin Arafat (2013) bertajuk *Filsafat Moral Ibn Hazm dalam Kitab al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus* meneliti kerangka pemikiran moral Ibn Hazm dalam konteks falsafah Islam klasik. Kajian ini membincangkan aspek falsafah moral secara sistematik, namun ia lebih tertumpu kepada kandungan etika dan kurang memberikan perhatian terhadap strategi bahasa, gaya penulisan, dan unsur autobiografi yang membentuk kekuatan persuasif teks Ibn Hazm.

Selain aspek moral, dimensi emosi dalam karya Ibn Hazm turut menjadi perhatian dalam kajian Rival Jahfal Maryadi (2025) bertajuk *Refleksi Emosional: Cinta dan Kecemasan dalam Karya Ibn Hazm*. Kajian ini meneliti bagaimana pengalaman emosional seperti cinta, kegelisahan, dan konflik batin diterjemahkan dalam pemikiran Ibn Hazm. Kajian ini penting kerana memperlihatkan sisi kemanusiaan Ibn Hazm melalui pengalaman emosional yang bersifat autobiografis. Namun demikian, analisis tersebut lebih memfokuskan dimensi psikologi dan emosi tanpa menghubungkannya secara mendalam dengan struktur wacana etika dan fungsi didaktik dalam karya *al-Akhlaq wa al-Siyar*.

Kajian oleh Maulana Dimas Rangga (2025) bertajuk *Etika Cinta Perspektif Ibn Hazm dalam Tauq Hamamah* pula menumpukan kepada konsep cinta dalam pemikiran Ibn Hazm sebagai asas pembentukan hubungan sosial dan moral. Kajian ini lebih memberi perhatian kepada konsep cinta sebagai tema falsafah dan belum meneliti secara terperinci bagaimana unsur autobiografi serta strategi retorik bahasa digunakan oleh Ibn Hazm untuk membentuk kesedaran moral pembaca.

Kajian Wan Muhammed et al. (2021) bertajuk *The Akhlak Formation (Method) According to Ibn Hazm (994–1064 AD): An Analysis of the Book of al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus* memfokuskan kepada kaedah pembentukan akhlak yang diketengahkan oleh Ibn Hazm dalam karya tersebut. Perbincangan kajian lebih tertumpu kepada aspek pendidikan moral dan kurang memberi perhatian terhadap aspek autobiografi serta strategi bahasa yang membentuk kekuatan wacana etika dalam teks tersebut.

Sementara itu, kajian Zakariya (2020) bertajuk *Ibn Hazm's Views on Islamic Ethics with Special Reference to Kitab al-Akhlaq wa-al-Siyar* membincangkan pemikiran etika Ibn Hazm dalam kerangka falsafah moral Islam, yang lebih menjurus kepada aspek falsafah etika dan tidak menghuraikan secara mendalam unsur autobiografi serta pembentukan wacana etika melalui strategi retorik dan gaya sastera adab.

Kajian terkini yang relevan ialah kajian oleh Nafia, Soleh, dan Murman (2025) bertajuk *Penyembuhan Jiwa dalam Perspektif Ibn Hazm: Model Alternatif bagi Kesehatan Mental* yang menumpu kepada aspek psikospiritual dan kesihatan mental, manakala elemen autobiografi dan strategi wacana dalam pembentukan etika kurang diberikan perhatian.

Oleh itu, kajian ini berusaha memperluaskan perbahasan sedia ada dengan meneliti hubungan antara autobiografi, wacana etika, dan konsep penyembuhan jiwa dalam karya *al-Akhlaq wa al-Siyar*. Pendekatan ini penting kerana ia memperlihatkan bahawa pemikiran etika dan psikospiritual Ibn Hazm tidak lahir secara abstrak, tetapi terbentuk daripada pengalaman hidup

dan refleksi eksistensial penulis sendiri. Dengan demikian, karya tersebut dapat difahami bukan sahaja sebagai teks moral dan terapi jiwa, tetapi juga sebagai autobiografi intelektual yang membentuk kesedaran etika dan transformasi insan melalui bahasa,

Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kandungan idea dan kurang memberikan perhatian terhadap aspek bahasa serta struktur wacana teks. Sedangkan dalam tradisi sastera *adab*, bahasa memainkan peranan penting sebagai medium pendidikan dan transformasi insan. Gaya ringkas tetapi padat makna, penggunaan aforisme, dan penyusunan nasihat dalam karya Ibn Hazm menunjukkan bahawa teks ini dibina secara sedar untuk mempengaruhi kesedaran moral pembaca. Dengan demikian, kajian ini berusaha memperluaskan perbincangan sedia ada dengan meneliti bagaimana autobiografi, pengalaman emosional, dan strategi bahasa bergabung dalam membentuk wacana etika yang bersifat transformatif.

Melalui pendekatan bersepadu yang menggabungkan analisis linguistik, sastera *adab*, dan teori wacana, kajian ini berupaya menawarkan perspektif baharu terhadap karya *al-Akhlaq wa al-Siyar*. Pendekatan sedemikian penting kerana ia membolehkan teks Ibn Hazm difahami bukan sahaja sebagai karya falsafah moral, tetapi juga sebagai teks sastera yang membentuk pengalaman psikospiritual dan kesedaran etika manusia melalui bahasa, emosi, dan pengalaman hidup. (Arafat, 2013 & Alwi, 2012).

### Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks dan analisis wacana untuk meneliti elemen autobiografi dan wacana etika dalam karya *al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus* oleh Ibn Hazm. Pemilihan pendekatan ini bersesuaian dengan fokus kajian iaitu interpretasi pengalaman peribadi, gaya bahasa, dan pembentukan pemikiran moral dalam teks sastera Arab klasik.

Sumber primer kajian ialah teks *al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus*, manakala sumber sekunder terdiri daripada artikel jurnal, buku, dan kajian terdahulu berkaitan falsafah moral Ibn Hazm, sastera *adab*, autobiografi, dan wacana etika. Kajian ini turut merujuk beberapa karya akademik seperti tulisan Ahmad Tajuddin Arafat, Rival Jahfal Maryadi, dan Dimas Rangga bagi memperkukuh kerangka analisis.

Analisis kajian dijalankan melalui tiga pendekatan utama, iaitu analisis autobiografi, analisis wacana etika, dan analisis stilistik. Analisis autobiografi digunakan untuk mengenal pasti pengalaman hidup, refleksi diri, dan pengakuan emosional Ibn Hazm dalam teks. Analisis wacana etika pula meneliti struktur nasihat, unsur persuasif, dan pembentukan makna moral, manakala analisis stilistik memfokuskan kepada gaya bahasa, aforisme, dan ciri sastera *adab* yang membentuk kesan didaktik dan psikospiritual karya tersebut. (Arafat, 2013)

Data dianalisis secara deskriptif dan tematik berdasarkan tema seperti persahabatan, kesedihan, cinta, muhasabah diri, dan pembentukan akhlak. Pendekatan ini membolehkan karya *Akhlaq wa al-Siyar* difahami sebagai autobiografi intelektual dan psikospiritual yang membentuk wacana etika dan transformasi insan.

### *Al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus sebagai Autobiografi dan Wacana Etika*

Karya *al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus* oleh Ibn Hazm merupakan salah satu teks penting dalam warisan sastera *adab* dan pemikiran etika Islam klasik. Karya ini bukan sahaja membahaskan persoalan moral, pembentukan karakter, dan pengurusan jiwa, tetapi turut

memperlihatkan aspek autobiografi yang signifikan melalui pengalaman hidup, refleksi diri, dan pengakuan emosional penarang. Dalam konteks kesusasteraan Arab klasik, autobiografi tidak semestinya hadir dalam bentuk naratif kronologi tentang perjalanan hidup seseorang, sebaliknya sering muncul dalam bentuk refleksi pribadi, pengalaman eksistensial, dan pemerhatian sosial yang diserap ke dalam wacana ilmu dan etika. Oleh itu, *al-Akhlaq wa al-Siyar* dapat dibaca bukan sahaja sebagai teks nasihat moral, tetapi juga sebagai autobiografi intelektual dan psikospiritual yang menggambarkan perjalanan batin Ibn Hazm dalam memahami manusia dan kehidupan. Hal ini dapat dikaitkan dengan pandangan Fatimah Busu (2003) yang menjelaskan bahawa penulisan biografi dan autobiografi bertitik tolak daripada kisah hidup, pengalaman dan perjalanan seseorang tokoh, walaupun bentuk penyampaiannya boleh berbeza mengikut genre.

Sebagai seorang cendekiawan Andalus yang hidup dalam zaman pergolakan politik dan sosial, Ibn Hazm melalui pelbagai bentuk konflik, pengasingan dan perubahan nasib yang memberi kesan mendalam terhadap pemikirannya. Beliau dilahirkan di Cordova pada 30 Ramadan 384H bersamaan dengan 7 November 994M, dan dikenali dengan gelaran al-Qurtubi, al-Andalusi serta al-Zahiri berdasarkan tempat kelahiran, latar geografi dan kecenderungan mazhab fiqhnya (Arafat, 2013 & Alwi, 2012). Latar kehidupannya yang bermula dalam lingkungan keluarga bangsawan dan kemewahan istana kemudiannya berubah akibat pergolakan politik Andalus, penyitaan harta keluarga, kematian ayah serta pengalaman berpindah dari Cordova ke beberapa wilayah lain (Arafat, 2013 & Alwi, 2012).

Pengalaman tersebut membentuk perspektif Ibn Hazm tentang sifat manusia, persahabatan, cinta, kekuasaan dan kebahagiaan. Dalam karya ini, pengalaman hidup tidak dipisahkan daripada perbahasan moral, malah dijadikan asas kepada pembentukan prinsip etika. Hal ini menunjukkan bahawa unsur autobiografi dalam *al-Akhlaq wa al-Siyar* berfungsi sebagai medium refleksi dan legitimasi moral, iaitu pengalaman diri pengarang digunakan untuk memperkuat autoriti wacana etika yang dihasilkan. Dengan kata lain, Ibn Hazm tidak hanya menyampaikan nasihat akhlak secara abstrak, tetapi menghubungkannya dengan pengalaman batin dan pemerhatian sosial yang telah dilaluinya. (Arafat, 2013)

Selain aspek autobiografi, karya ini juga memperlihatkan pembentukan wacana etika yang tersusun dan persuasif. Ibn Hazm menggunakan bahasa yang ringkas tetapi padat makna, disertai struktur nasihat dan aforisme yang bertujuan mempengaruhi kesedaran moral pembaca. Pendekatan sedemikian memperlihatkan ciri utama sastera *adab*, iaitu gabungan antara pendidikan moral, keindahan bahasa, dan pengalaman hidup. Wacana etika dalam karya ini tidak hanya bersifat teoritis, tetapi dibina melalui pengalaman emosional dan pemerhatian sosial yang dekat dengan realiti manusia. Oleh sebab itu, teks ini berfungsi sebagai medium pendidikan jiwa yang menekankan transformasi dalaman melalui muhasabah, pengawalan emosi, dan penyucian akhlak. (Arafat, 2013)

Dalam konteks kajian sastera Arab dan pemikiran Islam, analisis terhadap *al-Akhlaq wa al-Siyar* sebagai autobiografi dan wacana etika penting untuk memahami hubungan antara pengalaman diri, bahasa, dan pembentukan moral dalam tradisi intelektual Islam. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek falsafah moral dan psikospiritual Ibn Hazm, manakala aspek autobiografi dan strategi wacana dalam pembentukan kesedaran etika masih kurang diberikan perhatian. (Arafat, 2013, Maryadi et al., 2025, Maulana, 2025) Justeru, bahagian analisis dan perbincangan ini bertujuan meneliti bagaimana pengalaman hidup dan

refleksi diri Ibn Hazm diterjemahkan dalam bentuk autobiografi moral, serta bagaimana bahasa dan struktur wacana digunakan untuk membentuk kesedaran etika dan transformasi insan.

### **Riwayat Hidup *Ibn Hazm***

Ibn Hazm al-Andalusi ialah seorang sarjana yang menguasai pelbagai disiplin ilmu dan seni. Namanya penuh, Abu Muhammad ‘Ali ibn Ahmad ibn Sa‘id ibn Hazm ibn Sufyan ibn Yazid, berasal dari Parsi dan kemudian menetap di Andalus, khususnya di Cordoba. Beliau terkenal sebagai ahli fekah, hafiz, ahli kalam, sasterawan, dan menteri, selain sebagai pengarang pelbagai karya ilmiah. (Arafat, 2013 & Alwi, 2012).

Ibn Hazm dilahirkan pada bulan Ramadhan tahun 384 Hijri di Madinat al-Zahra, sebuah kawasan pinggir bandar Cordova, daripada keluarga yang kaya, berpengaruh, dan berketurunan mulia. Bapanya, Ahmad ibn Hazm, pernah menjadi salah seorang menteri kepada al-Mansur ibn Abi Amir, penguasa Andalus. Ibn Hazm dibesarkan dalam kemewahan, dianugerahi kepintaran luar biasa, dan menimba ilmu daripada beberapa sarjana terkenal, antaranya: Yahya ibn Mas‘ud ibn Wajh al-Jannah, Abu Ahmad Muhammad al-Jusur, Yunus ibn ‘Abdullah al-Qadi, dan lain-lain. (Arafat, 2013 & Himayah, 2001)

Ibn Hazm dibesarkan dalam keluarga yang kaya, berpengaruh dan mempunyai kedudukan politik yang tinggi. Bapanya, Ahmad bin Sa‘id, pernah menjadi menteri dalam pentadbiran al-Mansur bin Abi ‘Amir dan kemudian pada zaman pemerintahan berikutnya (Alwi, 2012). Oleh sebab itu, kehidupan awal Ibn Hazm berlangsung dalam suasana istana, kemewahan dan persekitaran ilmu. Beliau memperoleh pendidikan awal melalui pengasuh istana, termasuk pembelajaran al-Quran, hafalan syair dan kemahiran menulis, sebelum mengikuti majlis-majlis ilmu secara lebih intensif.

Ibnu Khaldun menyatakan bahawa Ibnu Hazm meninggal dunia pada hari Ahad, dua hari terakhir bulan Sya‘ban 456 H di padang Lablah, pada usia 71 tahun 10 bulan 29 hari. (Arafat, 2013 & Alwi, 2012)

### **Karya-karya *Ibn Hazm***

Ibn Hazm menghasilkan karya menjangkau 400 buah meliputi pelbagai disiplin ilmu seperti fekah, mantik, sejarah, etika, perbandingan agama dan teologi. Beliau seorang pemikir yang sangat teliti. Ibnu Hazm menulis banyak kitab yang sebahagian besar di antaranya hilang ketika terjadinya kekacauan di Cordoba. Ibn Hayyan menyebutkan beberapa karya Ibnu Hazm yang dinilainya sangat berharga, meliputi bidang-bidang keilmuan yang beraneka ragam seperti bidang ilmu-ilmu syariah 22 judul, bidang sejarah dan politik 16 judul, bidang ilmu mantik atau akidah – tauhid 18 judul, bidang ilmu jiwa, kesihatan mental dan akhlak 10 judul, bidang seni dan sastera 6 judul, bidang ilmu mantiq 3 judul dan bidang tafsir dan hadis 11 judul. Beberapa karyanya yang sangat bernilai, terkenal dan banyak menjadi rujukan para cendekiawan antaranya yang paling menonjol ialah:

1. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*
2. *al-I‘rab ‘an al-Hayrah wa al-Iltibas*
3. *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa’ wa al-Nuhal*
4. *al-Muhalla bi al-Athar*
5. *al-Nubdhah al-Kafiyah fi Ahkam Usul al-Din*
6. *Fada’il al-Andalus*
7. *Ummahat al-Khulafa’*
8. *Rasa’il Ibn Hazm*

9. *Maratib al-Ijma'*
10. *Tawq al-Hamamah*

### **Kitab *al-Akhlaq wa al-Siyar***

Kitab *al-Akhlaq wa al-Siyar* atau *Risalah Mudaawat al-Nufus wa Tahdhib al-Akhlaq* merupakan salah satu karya Ibn Hazm al-Andalusi. Ia tergolong dalam jenis catatan peribadi dan renungan yang ditulis oleh Ibn Hazm pada peringkat akhir kehidupannya. Kitab ini merupakan hasil pengalaman panjang dan berperingkat yang dilalui beliau sepanjang hayatnya. Walaupun kitab ini bersaiz kecil, ia sangat bernilai, bukan sahaja kerana manfaat maknanya, tetapi juga kerana susunan bahasanya yang lancar, bahagian-bahagiannya yang berkesinambungan, dan bahasa jelas dan mudah yang digunakan. Gaya penulisannya halus dan lembut, menjadikan kitab ini mudah dibaca dan difahami.

Ibn Hazm (2007) memulakan pengantar kitabnya dengan berkata:

"Sesungguhnya aku telah menghimpunkan dalam kitabku ini pelbagai makna yang banyak, yang telah aku peroleh daripada Pemberi Pengetahuan, Yang Maha Tinggi, melalui perjalanan hari-hari dan perubahan keadaan, dengan apa yang dianugerahkan oleh-Nya — Maha Agung lagi Maha Tinggi — kepadaku berupa keprihatinan terhadap perubahan zaman dan pengamatan terhadap keadaannya, sehingga aku menghabiskan sebahagian besar hidupku untuk itu, dan aku lebih suka mencatatnya melalui pembacaan dan pemikiran tentangnya, daripada mengejar segala kesenangan yang cenderung kepada kebanyakan jiwa manusia."

(Ibn Hazm, 2007)

Karya ini menonjol dengan gaya ringkas tetapi padat makna, aforistik, dan penyelitannya pengalaman peribadi. Unsur autobiografi memberi kredibiliti, kesan emosional, dan membina keaslian mesej. Fungsi didaktik jelas melalui penyusunan nasihat yang membimbing pembaca dari pengenalanpastian masalah jiwa, penilaian moral, hingga cadangan tindakan. Ciri sastera adab ini menunjukkan bahawa teks klasik dapat digunakan sebagai medium pendidikan moral dan psikospiritual.

Kitab ini terdiri daripada sepuluh bab, iaitu:

1. Bab Mendamaikan Jiwa dan Memperbaiki Akhlak.
2. Bab mengenai Ilmu.
3. Bab mengenai Akhlak dan Perilaku.
4. Bab mengenai Persaudaraan dan Persahabatan.
5. Bab mengenai Kasih Sayang.
6. Bab mengenai Jenis-jenis Gambaran Diri (Sifat dan Sikap Manusia).
7. Bab mengenai Perilaku dan Akhlak yang Diamalkan Manusia.
8. Bab mengenai Penyakit Akhlak yang Rosak.
9. Bab mengenai Keanehan Akhlak Manusia.
10. Bab mengenai Cita-cita dan Hasrat Manusia serta Cara Mengatasinya.

Karya *al-Akhlaq wa al-Siyar fī Mudāwāt al-Nufūs* diklasifikasikan sebagai teks etika dan sastera *adab* dalam tradisi intelektual Arab-Islam. Namun demikian, penelitian yang lebih mendalam menunjukkan bahawa karya ini turut mengandungi unsur autobiografi yang signifikan melalui penggunaan pengalaman peribadi, refleksi diri, dan pengakuan emosional dalam pembentukan wacana moralnya. Autobiografi dalam karya ini tidak hadir dalam bentuk naratif kehidupan yang tersusun secara kronologi seperti autobiografi moden, tetapi muncul

secara tersirat melalui renungan, pemerhatian sosial, dan pengalaman eksistensial yang diserap ke dalam perbincangan etika. Pendekatan ini menjadikan *al-Akhlāq wa al-Siyar* sebagai autobiografi intelektual dan psikospiritual yang mencerminkan pengalaman hidup Ibn Hazm sendiri.

Salah satu aspek autobiografi yang paling jelas dalam karya ini ialah kecenderungan Ibn Hazm menggunakan pengalaman hidupnya sebagai asas pembentukan pandangan moral. Dalam banyak bahagian teks, beliau menggambarkan hubungan manusia, persahabatan, dan konflik sosial berdasarkan pemerhatian serta pengalaman peribadi yang dilaluinya. Contohnya, beliau menulis: (Ibn Hazm, 2007)

*“Wa qad balaunā al-nāsa fa-mā ra’aynā shay’an aqalla wafā’an min al-ikhwān.”*  
*“Kami telah menguji manusia, dan kami tidak melihat sesuatu yang lebih sedikit kesetiaannya daripada sahabat-sahabat.”*

Petikan ini memperlihatkan nada reflektif dan pengalaman langsung penulis terhadap pengkhianatan serta perubahan sikap manusia. Penggunaan kata kerja *balaunā* (“kami telah menguji”) menunjukkan bahawa kenyataan tersebut lahir daripada pengalaman hidup, bukan sekadar teori moral abstrak. Dalam konteks autobiografi, pengalaman sosial penulis menjadi sumber utama pembentukan wacana etika tentang kesetiaan dan hubungan manusia.

Unsur autobiografi juga dapat dilihat melalui pengakuan Ibn Hazm terhadap penderitaan emosi dan perubahan nasib hidup yang dialaminya. Sebagai seorang tokoh yang hidup dalam zaman pergolakan politik Andalus, beliau mengalami kehilangan kedudukan, pengasingan sosial, dan tekanan intelektual. Pengalaman ini tercermin dalam pandangannya tentang dunia dan sifat manusia. Beliau menyatakan: (Ibn Hazm, 2007)

*“Laysa li-ghamm al-dunyā dawā’ illā al-iqbāl ‘alā Allāh.”*  
*“Tiada penawar bagi kesedihan dunia melainkan kembali mendekatkan diri kepada Allah.”*

Ungkapan ini memperlihatkan bahawa pengalaman kesedihan dan tekanan hidup diterjemahkan menjadi refleksi spiritual. Dari sudut autobiografi, kenyataan ini bukan hanya nasihat agama, tetapi cerminan pengalaman batin Ibn Hazm sendiri dalam menghadapi kekecewaan duniawi. Dalam masa yang sama, ia menunjukkan bagaimana pengalaman peribadi dijadikan asas pembentukan konsep terapi jiwa.

Selain itu, autobiografi dalam karya ini turut muncul melalui refleksi Ibn Hazm terhadap sifat dirinya dan proses pembinaan moral secara dalaman. Beliau secara terbuka mengakui kelemahan manusia dan pentingnya muhasabah diri. Misalnya, beliau menulis: (Ibn Hazm, 2007)

*“Tuba li man alima min uyub nafsihi akthar mimma ya’lamu al-nasu minha”*

*“Beruntunglah sesiapa yang mengetahui kelemahan dirinya lebih dari apa yang manusia ketahui darinya.”*

Pernyataan ini memperlihatkan sifat introspektif yang sangat kuat. Ibn Hazm tidak hanya menyeru pembaca melakukan refleksi diri, tetapi beliau sendiri memperlihatkan sikap

muhasabah sebagai pengalaman peribadi yang membentuk pandangan etikanya. Unsur autobiografi di sini berfungsi untuk membina kredibiliti moral penulis, kerana nasihat yang diberikan lahir daripada latihan jiwa yang turut dialaminya sendiri.

Dari sudut emosi, karya ini turut memperlihatkan dimensi autobiografis melalui perbincangan tentang cinta, kesedihan, dan kecemasan. Walaupun karya terkenal beliau mengenai cinta ialah *Ṭawq al-Ḥamāmah*, unsur emosi yang sama turut hadir dalam *al-Akhlāq wa al-Siyar*. Ibn Hazm menggambarkan bahawa manusia sering terperangkap dalam keinginan dunia dan hubungan sosial yang membawa penderitaan jiwa. Contohnya, beliau menyebut: (Ibn Hazm, 2007)

*“Talabtu al-surur fa-ma wajadtuhu illa fi tark ma fi aydi al-nas.”*  
*“Aku mencari kebahagiaan, tetapi aku tidak menemuinya melainkan dengan meninggalkan apa yang berada di tangan manusia.”*

Ungkapan ini menunjukkan refleksi eksistensial yang lahir daripada pengalaman hidup penulis sendiri. Penggunaan kata *talabtu* (“aku mencari”) memberi kesan autobiografis yang jelas kerana ia menggambarkan perjalanan pengalaman dan pencarian makna hidup secara peribadi. Dalam masa yang sama, pengalaman tersebut diangkat menjadi prinsip etika universal tentang kebebasan jiwa daripada pergantungan terhadap manusia.

Keistimewaan autobiografi Ibn Hazm juga terletak pada gaya penulisannya yang aforistik dan padat makna. Penggunaan ayat pendek dan reflektif menjadikan pembaca seolah-olah mendengar suara batin penulis secara langsung. Gaya ini memperkuat kesan psikologi dan emosional teks. Sebagai contoh: (Ibn Hazm, 2007)

*“Al-‘aqil la yara li-nafsih qimah illa bi-fadilah.”*  
*“Orang berakal tidak melihat nilai dirinya kecuali melalui keutamaan akhlak.”*

Begitu juga: (Ibn Hazm, 2007)

*“Al-‘aqil la yara li-nafsih thamanan illa al-jannah.”*  
*“Orang berakal tidak melihat nilai dirinya kecuali syurga.”*

Ayat di atas bukan sekadar definisi moral, tetapi refleksi identiti diri Ibn Hazm sebagai seorang intelektual yang menilai kehidupan berdasarkan prinsip akhlak dan ilmu. Di sini, autobiografi berfungsi sebagai medium pembentukan persona moral pengarang

Dari perspektif analisis wacana, autobiografi dalam *al-Akhlāq wa al-Siyar* memainkan fungsi retorik yang penting. Ibn Hazm menggunakan pengalaman hidup untuk membina autoriti moral dan mempengaruhi pembaca secara persuasif. Strategi ini menjadikan teks lebih dekat dengan pengalaman manusia sebenar, sekali gus memperkuat fungsi didaktik karya tersebut. Dalam tradisi sastera *adab*, pendekatan ini menunjukkan bahawa pengalaman diri bukan sekadar catatan peribadi, tetapi instrumen pendidikan moral dan transformasi jiwa.

Autobiografi dalam karya ini juga berkait rapat dengan konsep penyembuhan jiwa. Refleksi terhadap penderitaan, kekecewaan, dan pengalaman sosial dijadikan ruang untuk memahami kelemahan manusia dan mencari keseimbangan spiritual. Oleh itu, pengalaman hidup Ibn Hazm tidak hanya membentuk pemikiran etikanya, tetapi juga menjadi asas kepada pendekatan

psikospiritual yang dibangunkannya. Bahasa dan pengalaman diri bergabung untuk menghasilkan teks yang bersifat terapeutik dan transformatif.

### Kesimpulan

Karya *al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus* oleh Ibn Hazm memperlihatkan bahawa tradisi sastra *adab* Islam bukan sekadar medium penyampaian nasihat moral, tetapi juga ruang refleksi diri dan pembentukan identiti insan. Kajian ini menunjukkan bahawa karya tersebut dapat dibaca sebagai sebuah autobiografi intelektual dan psikospiritual yang menggabungkan pengalaman hidup, emosi, dan pemikiran etika dalam satu kerangka wacana yang bersifat didaktik dan transformatif. Unsur autobiografi yang hadir melalui pengakuan pengalaman, refleksi emosi, dan pemerhatian sosial menjadikan teks ini lebih daripada sekadar karya falsafah moral; ia merupakan catatan perjalanan batin seorang intelektual Muslim dalam memahami manusia, dunia, dan hakikat kehidupan.

Analisis terhadap teks memperlihatkan bahawa pengalaman peribadi Ibn Hazm berfungsi sebagai asas pembentukan wacana etika. Pengalaman tentang pengkhianatan sahabat, kesedihan hidup, pencarian kebahagiaan, dan konflik jiwa diterjemahkan menjadi prinsip moral yang universal. Dalam konteks ini, autobiografi bukan hanya unsur naratif, tetapi strategi retorik yang memperkuat kredibiliti moral penulis serta meningkatkan kesan persuasif terhadap pembaca. Melalui gaya bahasa yang ringkas tetapi padat makna, Ibn Hazm berjaya membentuk hubungan emosional dan intelektual dengan pembaca, sekali gus menjadikan proses pembacaan sebagai pengalaman reflektif dan psikospiritual.

Kajian ini juga membuktikan bahawa konsep penyembuhan jiwa dalam karya Ibn Hazm mempunyai dimensi terapi jiwa yang mendalam. Refleksi terhadap pengalaman hidup dan kelemahan manusia dijadikan mekanisme untuk mencapai keseimbangan dalaman, pengawalan emosi, dan penyucian jiwa. Oleh itu, bahasa dan autobiografi dalam karya ini saling berinteraksi untuk menghasilkan teks yang berfungsi sebagai medium pendidikan moral dan penyembuhan psikospiritual. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa sastra *adab* memiliki fungsi sosial dan psikologis yang signifikan dalam tradisi intelektual Islam.

Secara keseluruhannya, *al-Akhlaq wa al-Siyar* memperlihatkan hubungan erat antara autobiografi, wacana etika, dan transformasi insan. Karya ini membuktikan bahawa pengalaman hidup penulis dapat diangkat menjadi sumber hikmah dan pendidikan moral yang bersifat universal. Dalam konteks kontemporari, pemikiran Ibn Hazm masih relevan untuk dijadikan rujukan dalam pembangunan karakter, pendidikan moral, dan kesejahteraan psikospiritual manusia moden. Oleh itu, penelitian terhadap karya ini bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan kajian sastra Arab klasik dan falsafah moral Islam, tetapi juga membuka ruang baharu bagi kajian interdisipliner yang menghubungkan autobiografi, bahasa, emosi, dan terapi jiwa dalam tradisi intelektual Islam.

Kesimpulannya, *al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus* dapat dibaca sebagai autobiografi intelektual dan psikospiritual yang menggabungkan pengalaman hidup, refleksi emosi, dan wacana etika dalam satu struktur sastra *adab*. Melalui penggunaan pengalaman peribadi, pengakuan emosional, dan gaya reflektif, Ibn Hazm membina sebuah teks yang bukan sahaja menyampaikan prinsip moral, tetapi turut memperlihatkan perjalanan batin seorang intelektual Muslim dalam memahami manusia, dunia, dan dirinya sendiri. Unsur autobiografi inilah yang menjadikan karya tersebut terus relevan sebagai teks pendidikan jiwa dan transformasi insan merentas zaman.

|                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|----------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Acknowledgements:</b>               | The authors would like to express their sincere gratitude to Universiti Sains Islam Malaysia for providing the necessary resources and support throughout the course of this research. Special appreciation is extended to colleagues and peers who contributed valuable insights and constructive feedback, which greatly enhanced the quality of this paper.                                                                                                                     |
| <b>Funding Statement:</b>              | No Funding                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>Conflict of Interest Statement:</b> | The authors declare that there is no conflict of interest regarding the publication of this paper. All authors have contributed to this work and approved the final version of the manuscript for submission to the Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)                                                                                                                                                                                                  |
| <b>Ethics Statement:</b>               | This study did not involve any human participants, animals, or sensitive data requiring ethical approval. The authors confirm that the research was conducted in accordance with accepted academic integrity and ethical publishing standards.                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>Author Contribution Statement:</b>  | All authors contributed significantly to the development of this manuscript. Nurhasma was responsible for the conceptualization, methodology, and overall supervision of the study. Ab Adly Rabbanie handled data collection, analysis, and interpretation of results. Nurhasma & Ab Adly Rabbanie contributed to the literature review, drafting, and critical revision of the manuscript. All authors read and approved the final version of the manuscript prior to submission. |

## Rujukan

- Arafat, A. T. (2013). Filsafat moral Ibn Hazm dalam kitab al-Akhlaq was-Siyar fi Mudawati-n-Nufus. *Analisa: Jurnal Pengkajian Masalah Sosial Keagamaan*, 20(1), 51–64. <https://doi.org/10.18784/analisa.v20i1.5>
- Andri, R., Nurholis, N., Pratiwi, N. P., Yasis, R. F., & Fhadilla, G. I. (2025). Refleksi emosional: Cinta dan kecemasan dalam karya Ibn Hazm. *Kajian Linguistik dan Sastra*, 4(3), 631–645. <https://doi.org/10.22437/kalistra.v4i3.46303>
- Berscheid, E., & Reis, H. T. (1998). Attraction and close relationships. In D. T. Gilbert, S. T. Fiske, & G. Lindzey (Eds.), *The handbook of social psychology* (4th ed.), Vol. 2, pp. 193–281. McGraw-Hill.
- Chejne, A. G. (1974). *Muslim Spain: Its history and culture*. University of Minnesota Press.
- Fadli. (2019) “Perkembangan Pemikiran Fikih Ibnu Hazm dan Relevansinya Dalam Konteks Kekinian”, *Syari’ah: Journal of Islamic Law* 1, No. 2. Desember, 2019. DOI: 10.22373/sy.v1i2.55
- Fatimah Busu. (2003). *Memupuk bakat & minat penulisan kreatif: Teori & proses*. PTS Publications & Distributors.
- Folkman, S., & Lazarus, R. S. (1980). An analysis of coping in a middle-aged community sample. *Journal of Health and Social Behavior*, 21(3), 219–239.
- Ibn Hazm. (2007). *Al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawāt al-Nufūs*. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah.
- Ibn Hazm. (1953). *Ṭawq al-Ḥamāmah* (A. J. Arberry, Trans.). London: Luzac & Co.
- Mahmud Ali Himayah, Ibn Hazm: Biografi, Karya dan Kajiannya tentang Agama, terj. Halid al-Kaf.
- Maulana, D. R. S. (2025). Etika cinta perspektif Ibn Hazm dalam kitab Ṭawq al-Ḥamāmah (Undergraduate thesis). UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Marazziti, D., & Canale, D. (2004). Hormonal changes when falling in love. *Psychoneuroendocrinology*, 29(7), 931–936. <https://doi.org/10.1016/j.psyneuen.2003.08.006>
- Nafia, M. F. I., Soleh, A. K., & Murman, N. A. (2025). Penyembuhan jiwa dalam perspektif Ibn Hazm: Model alternatif bagi kesehatan mental. *Spiritualita*, 9(2). <https://doi.org/10.30762/spiritualita.v9i2.3215>
- Ryff, C. D., & Singer, B. H. (2008). Know thyself and become what you are: A eudaimonic approach to psychological well-being. *Journal of Happiness Studies*, 9(1), 13–39.
- van Gelder, G. J. (2012). *Classical Arabic literature: A library of Arabic literature anthology*. New York: NYU Press.
- Wan Muhammed, N. K., Mustapha, A. S., Zainol, N. Z. N., & Mohammad, C. A. (2021). The akhlak formation (method) according to Ibn Hazm (994–1064 AD): An analysis of the book of al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus. *Review of International Geographical Education Online*, 11(10).
- al-Hamawi, Syihabuddin Abu Abdullah Yaqt bin Abdullah al-Rumi. *Mu’jam al-Udaba’ – Irsyad al-Arib ila Ma’rifat al-Adab*. Juz 4. Cet. I; Beirut: Dar al-Garb al-Islami. 1414 H/1993 M.
- Zakariya, H. (2020). Ibn Hazm’s views on Islamic ethics with special reference to Kitab al-Akhlaq wa-al-Siyar. *Asian Research Journal of Arts & Social Sciences*, 11(1), 72–81. <https://doi.org/10.9734/arjass/2020/v11i130162>.